



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)

DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)

Kementerian Kesihatan Malaysia

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel :03-8883 2540

Faks :03-8889 5303

Ruj. Kami : KKM-57/6/AM (C) JLD.26 (1)

Tarikh : 7 Julai 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PELUPUSAN KENDERAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormat saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, sebelum ini tiada satu panduan bertulis khusus bagi menjelaskan tatacara pelupusan kenderaan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Keadaan tersebut menyebabkan timbulnya perbezaan dalam proses kerja pelupusan di KKM sehingga berlakunya isu seperti beberapa kenderaan yang dilupuskan masih belum ditukar hak milik atau dibatalkan pendaftaran dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

3. Sehubungan itu, Bahagian Perolehan dan Penswastan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan Garis Panduan Pelupusan Kenderaan KKM sebagai rujukan dan panduan kepada Ketua Jabatan dan Pegawai Aset agar proses pelupusan kenderaan diseragamkan serta dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan teratur selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan 2018 (TPA).

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, garis panduan ini antara lain menjelaskan perkara-perkara seperti berikut:

- a) Proses kerja, carta alir dan senarai semak yang lengkap bagi tindakan pelupusan kenderaan mengikut kaedah-kaedah pelupusan selaras dengan ketetapan dalam TPA di bawah tajuk AM2.7 Pelupusan;
- b) Pelaksanaan urusan penukaran hak milik/ pembatalan pendaftaran kenderaan yang telah selesai tindakan pelupusan selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Ini bagi memastikan KKM tidak mempunyai sebarang liabiliti ke atas kenderaan tersebut selepas tindakan pelupusan dilaksanakan; dan
- c) Melalui Lampiran 13: Surat Aku Janji Penerimaan Kenderaan yang Dilupuskan:
 - i) Pembeli/ Penerima kenderaan akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kenderaan yang dibeli/ diterima sehingga proses penukaran/ pembatalan hak milik kenderaan dengan JPJ/ Jabatan Laut Malaysia (JLM) selesai; dan
 - ii) Kementerian/ Jabatan berhak untuk membatalkan pendaftaran kenderaan di JPJ/ JLM sekiranya pembeli/ penerima gagal menyelesaikan proses penukaran hak milik kenderaan dalam tempoh yang ditetapkan.

5. Pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dengan ini dimohon untuk memanjangkan surat edaran Garis Panduan Pelupusan Kenderaan KKM ini kepada semua Ketua Jabatan dan Pegawai Aset di Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing bagi tujuan pelaksanaan dan pematuhan garis panduan tersebut.

6. Garis Panduan Pelupusan Kenderaan KKM berkuat kuasa **mulai 1 Julai 2023**. Salinan garis panduan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi KKM <https://www.moh.gov.my>.

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI NORAZMAN AYOB)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k.: KSU

KPK

TKSU(P)

TKPK(P)

TKPK(KA)

TKPK(PS&T)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
2. Setiausaha Bahagian (Kewangan)
3. Setiausaha Bahagian (Dasar & Hubungan Antarabangsa)
4. Penasihat Undang-Undang (Pejabat Penasihat Undang-Undang)
5. Ketua Audit Dalam (Cawangan Audit Dalam)
6. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan)
7. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
8. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
9. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
10. Setiausaha Bahagian (Akaun)
11. Ketua Unit Integriti
12. Ketua Unit Komunikasi Korporat
13. Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
14. Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
15. Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
16. Pengarah (Perancangan)
17. Pengarah (Perkembangan Perubatan)
18. Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)
19. Pengarah (Amalan Perubatan)
20. Pengarah (Kawalan Penyakit)
21. Pengarah (Perkembangan Kesihatan Awam)
22. Pengarah (Pendidikan Kesihatan)
23. Pengarah (Sains Kesihatan Bersekutu)
24. Pengarah (Pemakanan)

25. Pengarah (Perubatan Tradisional dan Komplimentari)
26. Pengarah (Kejururawatan)
27. Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan)
28. Pengarah (Kawal Selia Radiasi Perubatan)
29. Pengarah (Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian)
30. Pengarah (Penjagaan Kesihatan Pergigian)
31. Pengarah (Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian)
32. Pengarah (Regulatori Farmasi Negara)
33. Pengarah (Amalan dan Perkembangan Farmasi)
34. Pengarah (Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi)

SENARAI EDARAN LUARAN

35. Pengarah Hospital Kuala Lumpur
36. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
37. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
38. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
39. Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
40. Pengarah Kesihatan Negeri Pahang
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
41. Pengarah Kesihatan Negeri Johor
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

42. Pengarah Kesihatan Negeri Perak
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

43. Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

44. Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

45. Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

46. Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
dan Putrajaya

47. Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

48. Pengarah Kesihatan Negeri Melaka
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

49. Pengarah Kesihatan Negeri Perlis
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

50. Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

51. Pengarah
Institut Kanser Negara

52. Pendaftar
Institut Kesihatan Negara

53. Pengarah
Pusat Darah Negara

54. Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan
Institut Latihan KKM (Pergigian)